

SOALAN NO: 524

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi tiga (3) isu utama pasaran buruh seperti kekurangan pekerjaan bergaji tinggi, kekurangan pekerja mahir, dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dalam usaha pembangunan ekonomi.

PR-1331-T67962

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- 1. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani isu-isu berkaitan pasaran buruh. Antaranya termasuklah usaha-usaha Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) yang telah menetapkan beberapa kriteria penting dalam**

memilih pelaburan yang bakal masuk ke dalam Negara dan secara langsung berupaya menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi atau *high-end employment*.

2. Melalui pendekatan berfokus atau *targeted approach*, MIDA sentiasa memberi penekanan dalam menarik pelaburan-pelaburan berkualiti tinggi. Pelaburan ini merupakan pelaburan-pelaburan yang berupaya menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi Negara, berteknologi tinggi, berasaskan inovasi, kreativiti, bernilai ditambah tinggi, berdasarkan pengetahuan, mempunyai rantai nilai serta mempunyai penglibatan R&D. Peluang-peluang pekerjaan yang dijana ini diharapkan dapat disasarkan kepada rakyat Malaysia.

3. Di samping itu, untuk memenuhi keperluan pasaran buruh bagi pekerjaan berkemahiran tinggi, Kerajaan turut menitikberatkan pembangunan sumber manusia. Syarikat-syarikat yang diluluskan untuk menggaji pegawai dagang yang mana kepakaran atau kemahirannya tidak boleh diperolehi di Malaysia dikehendaki melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan ada menyediakan galakan kepada syarikat untuk melatih pekerja-pekerja tempatan dengan latihan-latihan berkemahiran tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mentauliahkan 1,330 Pusat Bertauliah (PB) bagi menyediakan pekerja mahir di negara ini dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. PB JPK menawarkan 7,693 program latihan kemahiran daripada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1-3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) – tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) – tahap 5. Program-program latihan kemahiran tersebut adalah berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Sehingga April 2015, sejumlah 1.4 juta sijil tahap 1 hingga tahap 5 dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan kursus latihan kemahiran yang mereka ikuti di PB JPK.

5. Di samping itu, mulai Januari 2015, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia telah menjalankan latihan secara '*double shift*' iaitu dengan meningkatkan pengambilan pelajar secara optimum dengan menggunakan kemudahan sedia ada. Ia melibatkan program latihan jangka panjang, program persijilan professional dan kursus jangka pendek bagi kursus-kursus yang mendapat permintaan dan keboleherjaan yang tinggi dari pihak industri. Dengan adanya program '*double shift*' ini, peningkatan keseluruhan keluaran disasarkan sebanyak **57% (115,782)** berbanding anggaran keluaran sedia ada sebanyak **203,401**. Jumlah keluaran keseluruhan dijangka sebanyak **319,183 peserta** dari tahun 2015 sehingga 2020.

6. Bagi membantu Negara mengatasi masalah kebergantungan kepada pekerja asing yang berkemahiran rendah, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan mendapat maklumat tentang kekosongan jawatan dari pihak majikan serta mendaftar pencari-pencari kerja untuk diijodoh ke bidang pekerjaan. Ini bagi memastikan semua pencari kerja tempatan dalam kategori berkemahiran rendah diberi peluang untuk mendapat pekerjaan yang ditawarkan. Sekiranya tiada calon pekerja tempatan, pihak JTK akan mengesyorkan pihak majikan untuk mengambil pekerja asing